

Keberkesanan Penggunaan Kerangka Berfikir Dalam Menjawab Soalan Kefahaman

Azizah Shaik Abdul Kadir

azizah_shaik_abdul_kadir@schools.gov.sg

Noor Haida Mohd Jakaria

noor_haida_mohd_jakaria@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Chongzheng

Abstrak

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas jawapan kefahaman murid bagi pelbagai bentuk kemahiran Taksonomi Bloom didapati bahawa hampir 50% murid Darjah 4 gagal menjawab dengan tepat soalan kefahaman berbentuk bukti. Menyusuli dapatan ini, satu Kajian Pengajaran telah dijalankan pada tahun 2018. Seramai 20 orang murid Darjah 4 pelbagai aras kebolehan dikenal pasti bagi kajian ini. Kajian ini menerapkan teori *Self-Directed Learning* yang bertujuan untuk memperkasakan murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti. Selain itu, Kerangka Berfikir (KB), satu cara berfikir yang sistematik juga diambil kira untuk kajian ini. Data pascaujian menunjukkan bahawa murid yang menggunakan KB untuk mencerakinkan petikan berjaya menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti dengan tepat. Dapatan kajian juga menunjukkan 83.3% murid akur bahawa KB dapat membantu mereka mengenal pasti jawapan bukti. Dapatan ini menunjukkan keupayaan KB bagi membantu murid mengenal pasti jawapan bagi soalan bukti dengan lebih tepat.

Kata kunci: kerangka berfikir, soalan kefahaman berbentuk bukti



PENGENALAN

Pembelajaran kefahaman telah melalui proses peningkatan. Pembelajaran secara konvensional telah diambil alih oleh pembelajaran eksplisit di mana pembelajaran berpusatkan murid sementara guru bertindak sebagai fasilitator. Kerangka Berfikir (KB) merupakan salah satu usaha awal pengkaji untuk memperkasakan murid berinteraksi secara sendiri semasa aktiviti kefahaman membaca. Menerusi pendekatan sedemikian, murid berinteraksi dengan teks untuk mencerakinkan petikan dan soalan secara efektif. Dengan demikian, murid dapat mengenal pasti jawapan yang tepat. Strategi berinteraksi dengan petikan menerusi KB merupakan salah satu usaha untuk menambah nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kefahaman untuk melahirkan murid yang dapat berfikir dengan kritis dan berdikari. Membekalkan murid dengan kemahiran metakognitif sesuai dengan matlamat pendidikan Singapura yang menekankan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Sejak berada di peringkat Darjah 1, murid telah diajar menjawab soalan kefahaman melalui pendekatan mengenal pasti kata kunci dalam soalan. Namun, pendekatan ini kurang berkesan untuk membantu murid mencari jawapan dengan tepat. Ia tidak membekalkan murid dengan satu perancah bagi membantu murid berinteraksi dengan teks secara metakognitif. Kekurangan ini menyerlah apabila murid perlu menjawab soalan yang memerlukan bukti. Hanya 25% murid Darjah 4 yang berjaya menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti dalam peperiksaan SA1 2018. Analisis hasil kerja murid juga menunjukkan bahawa murid dapat mengenal pasti kata kunci tetapi mereka gagal mengenal pasti jawapan kefahaman yang berbentuk bukti dengan tepat. Berdasarkan dapatan awal ini, satu kajian pengajaran dijalankan bagi meningkatkan kemampuan murid menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti dengan berkesan menerusi KB. Usaha ini diharapkan dapat melahirkan murid yang lebih kritis sewaktu membaca dan menjawab soalan kefahaman

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti dengan menggunakan KB;

2. meningkatkan keyakinan murid menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti; dan
3. meningkatkan kemampuan murid menjawab soalan kefahaman secara sendiri

KAJIAN LEPAS

Pasukan pengkaji, Anita Archer dan Charles A. Hughes (2011) telah mengenal pasti beberapa kata kunci yang dapat mendukung kajian tentang keberkesanan KB dalam beberapa kajian lepas. Antaranya ialah pembelajaran secara eksplisit yang dapat mendukung pembelajaran dalam kajian ini. Pasukan pengkaji juga mencari bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif dalam pembelajaran kefahaman kerana KB mendukung beberapa ciri tersebut.

Aghaie dan Zhang (2012) merumuskan kekuatan strategi kognitif dan metakognitif yang dijalankan secara eksplisit untuk meningkatkan kemampuan murid dalam aktiviti kefahaman membaca. Kajian lepas juga merakamkan kemampuan strategi kognitif dan metakognitif untuk melahirkan murid yang mampu belajar secara sendiri.

Kemampuan strategi kognitif dan metakognitif dalam pembelajaran bacaan kefahaman diukur oleh Dreyer dan Nel (2003). Mereka telah menjalankan kajian ke atas 131 orang murid tahun pertama Universiti Afrika dan Setswana selama 13 minggu. Dreyer dan Nel (2003) mendapati bahawa murid-murid yang telah melalui program bacaan kefahaman menerusi kombinasi strategi kognitif dan metakognitif mencatatkan pencapaian yang jauh lebih baik berbanding dengan murid daripada kumpulan terkawal.

Aghaie dan Zhang (2012), akur dengan dapatan Dreyer dan Nel (2003). Dapatan mereka selaras dengan dapatan Dreyer dan Nel. Aghaie dan Zhang (2012) mendapati bahawa pencapaian kumpulan sasaran melebihi daripada pencapaian kumpulan terkawal setelah menjalani pendedahan terhadap strategi kognitif dan metakognitif bagi aktiviti kefahaman membaca selama empat bulan. Lebih daripada itu, Aghie dan Zhang (2012), merumuskan bahawa murid-murid yang telah dilatih dengan strategi kognitif dan metakognitif ketika aktiviti kefahaman membaca mampu memindahkan strategi yang dipelajari kepada pelajaran lain.



KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam kajian ini memberikan penekanan pada pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Bagi pelaksanaan pelajaran aspek pengajaran memberikan penerangan yang jelas dan mudah cara pembelajaran kolaboratif telah diambil kira. Maklumat ringkas mengenai proses pelaksanaan, aspek pengajaran dan aktiviti mengajar dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas AP19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru menunjukkan langkah-langkah memproses soalan kefahaman berbentuk bukti dengan menggunakan strategi KB AM4: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Guru menggalakkan murid membincangkan soalan secara berkumpulan dan kemudian bertukar-tukar lembaran kerja untuk menilai jawapan rakan. Murid menilai hasil kerja rakan dengan menggunakan KB. Guru menggalakkan murid berkongsi jawapan dengan rakan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM 3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Rakan yang menyemak jawapan kefahaman pasangan mereka akan memberikan maklum balas. Rakan pasangan akan menambah nilai hasil kerjanya.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan murid menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti dengan tepat. Fokus kajian berpusat pada penilaian secara sendiri dan berpasangan. Oleh itu, aspek pengajaran memberi fokus pada penggunaan KB yang dapat membantu guru dan murid memberikan penilaian berbentuk maklum balas bagi menambah nilai jawapan mereka.	

Kaedah Kajian Pengajaran telah digunakan dalam kajian ini. Kajian Pengajaran membolehkan guru menilai proses pemikiran murid ketika menyelesaikan tugas menerusi interaksi lisan dan latihan kefahaman. Masa yang diperuntukkan untuk kajian pengajaran ini ialah 60 minit bagi satu sesi. Strategi yang digunakan ialah pengajaran secara eksplisit yang merangkumi lima peringkat, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan terbimbing, latihan sendiri dan penutup. Murid yang terlibat dalam kajian ini telah dibimbing mengenai maksud bukti dan sifat watak dalam pembelajaran kefahaman.

Subjek Kajian

Seramai 20 orang murid Darjah 4 yang berada pada aras kebolehan terlibat dalam kajian ini. Sebelas orang murid (55%) daripada mereka gagal dalam komponen kefahaman manakala 7 orang murid (35%) daripada mereka mendapat 50% hingga 65% markah yang diperuntukkan dalam ujian SA1 Darjah 4 2018. Selebihnya seramai 2 orang murid (10%) mendapat 70% hingga 85% peratus dalam ujian yang sama. Walaupun pencapaian keseluruhan mereka dalam peperiksaan Bahasa Melayu semasa berada dalam Darjah 3 (2017) tidak berbeza, murid-murid ini berbeza dari segi kemampuan kognitif berdasarkan pencapaian mereka bagi Darjah 4.

Instrumen Kajian

Data dikumpulkan melalui kerja kumpulan. Menerusi data kerja kumpulan, pasukan pengkaji bukan sahaja dapat melihat sama ada murid menggunakan KB tetapi juga memahami proses berfikir mereka. Pengkaji juga menganalisis data praujian dan pascaujian untuk membantu pengkaji menjawab soalan kajian pertama. Data tinjauan ke atas murid pada akhir kajian serta data daripada Perbincangan Kelompok Terarah (FGD) yang direkod juga dikaji untuk menjawab soalan kedua dan ketiga tujuan kajian.


Prosedur Kajian

Prosedur kajian terbahagi kepada tiga bahagian berikut:

1. Persiapan prakajian pengajaran
2. Proses kajian pengajaran
3. Proses penilaian keberkesanan kajian pengajaran



Rajah 1: Perincian Prosedur Kajian Pengajaran



Persiapan Prakajian

Guru berperanan sebagai fasilitator sewaktu pembelajaran kajian dijalankan. Guru memantau kelancaran pembelajaran dan memberikan arahan bagi aktiviti-aktiviti pembelajaran.

Bagi set induksi, murid menonton klip video. Murid diingatkan untuk mengenal pasti perbuatan dan sifat watak dalam klip video. Menyusuli aktiviti itu, murid diberikan masa untuk melengkapkan carta watak dan perbuatan. Setelah itu, guru mendapatkan respons daripada beberapa orang murid tentang watak dan perbuatan watak.

Guru memodelkan penggunaan KB untuk menjawab soalan bukti bagi petikan kefahaman. Model yang berteraskan kaedah Berfikir Secara Lantang

(Thinking Aloud) bertujuan untuk membantu murid melihat proses berfikir yang mereka harus praktikkan sewaktu menjawab soalan kefahaman.

Setiap kumpulan menyelesaikan latihan berkumpulan. Guru pemantau ditugaskan memantau setiap kumpulan untuk mendengar respons murid. Selepas itu, guru mengarahkan murid untuk meneliti kerja rakan mereka. Sewaktu meneliti kerja rakan mereka, murid harus memastikan bahawa rakan mereka mencerakinkan petikan menggunakan KB.

Selepas penilaian rakan sebaya, beberapa kumpulan diundang untuk menyampaikan hasil kerja mereka dan langkah-langkah yang diambil berpandukan RB untuk mengenal pasti jawapan mereka.

Proses Penilaian Keberkesanan Kajian Pengajaran

Sesi kolokium dijalankan untuk menilai dapatan kajian. Guru yang terlibat dalam perancangan dan pengendalian pembelajaran serta guru pemantau menghadiri sesi kolokium yang dipengerusikan oleh Guru Pakar. Selain daripada itu, pasukan kajian pengajaran juga mengumpul semua data untuk dianalisis agar tahap keberkesanan kajian ini dapat dinilai.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengumpulan data dijalankan sejurus selepas sesi kolokium. Data-data yang telah dikumpul telah dianalisis untuk membantu pengkaji mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pembelajaran bagi memperbaikinya pada kitaran seterusnya.

a. Analisis Data Kerja Kumpulan

Murid menggunakan KB untuk membantu mereka mengenal pasti jawapan bagi soalan yang diajukan. Kemampuan KB dalam menggalakkan murid berinteraksi dengan teks dapat dilihat menerusi jawapan murid. Empat daripada 6 kumpulan menggunakan KB untuk mengenal pasti jawapan yang tepat. Dua kumpulan menggunakan KB tetapi jawapan yang diberikan kurang tepat. Analisis interaksi murid sewaktu kerja kumpulan mendapati bahawa KB membantu murid menilai kerja mereka.

b. Analisis Data Hasil Kerja Murid (Individu)

Murid telah menyelesaikan latihan kefahaman secara sendiri dengan menggunakan KB. Bagi soalan 1, seramai 13 orang murid (72.2%) telah



menjawab soalan dengan menggunakan KB. Namun, dalam kalangan mereka hanya 10 orang sahaja (55.6%) yang menggunakan KB dapat mengenal pasti jawapan yang tepat. Seramai 3 orang murid (16.7%) tidak dapat menjawab soalan 1 dengan tepat. Terdapat pula 5 orang murid (27.8%) dapat menjawab soalan kefahaman dengan tepat tanpa menggunakan KB. Pengkaji berpendapat bahawa sebilangan besar murid dalam kumpulan ini mungkin dapat memproses petikan kerana mempunyai tahap pemikiran yang lebih baik. Bagi soalan 2 yang memerlukan murid mengenal pasti dua bukti, 12 orang murid (66.6%) mampu menjawab soalan. Namun, hanya separuh daripada mereka, 6 orang murid (33.3%) mampu memberikan kedua-dua bukti yang diperlukan dengan tepat. Berdasarkan analisis kerja murid yang gagal memberikan jawapan dengan lengkap menunjukkan murid tidak menyerlahkan perkataan yang dikaitkan dengan sifat watak yang bertanggungjawab. Peratusan murid yang menggunakan KB bagi kedua-dua soalan lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak menggunakannya. Sebagai rumusan, dapatan daripada aktiviti individu menunjukkan bahawa murid Darjah 4 ini, mampu meningkatkan kelakonan mereka dalam menjawab soalan bukti menerusi penggunaan KKB.

c. Analisis Data Praujian dan Pascaujian

Data praujian dan pascaujian dianalisis untuk mengukuhkan dapatan pengkaji tentang keberkesanan KB dalam membantu murid darjah 4 yang yang berasa pada aras kebolehan menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti. Dua jenis soalan telah disediakan untuk menguji kemampuan murid mengenal pasti jawapan yang betul berpandukan KB sebagai praujian dan pascaujian. Jadual 3 merakam peratusan pencapaian 18 orang murid dalam menjawab soalan-soalan tersebut.

Jadual 2: Data Praujian dan Pascaujian

Jenis Soalan	Ciri-ciri Soalan	Praujian (% respons yang tepat)	Pascaujian (% respons yang tepat)	Catatan
Tahap 1 Mudah: Memerlukan 1 bukti.	Petikan sepanjang 65 patah perkataan. Setiap bukti perwatakan watak diolah. Soalan tidak memerlukan pencerakinan lebih lanjut tentang watak Soalan: Budi seorang yang penakut. Berikan 1 bukti.	44.4 (8 orang murid)	77.8 (14 orang murid)	33.4

Tahap 2 Pertengahan: Memerlukan 2 bukti.	Petikan sepanjang 117 patah perkataan. Setiap bukti perwatakan watak diolah. Pengolahan pertama dan kedua merupakan pengolahan tentang sifat watak sebagai seorang yang baik hati. Soalan: Budi seorang yang baik hati. Berikan 2 bukti	27.8 (5 orang murid) *data untuk kedua-dua fakta betul	*44.4 (8 orang murid) *data untuk kedua-dua fakta betul	12.6
---	---	---	--	------

Dapatan pascaujian menunjukkan bahawa ada peningkatan bagi setiap soalan. Soalan mudah yang merupakan soalan yang menguji kemahiran asas mencatatkan peningkatan yang tinggi. Ketika praujian, hanya 44.4% murid berjaya menjawab soalan ini berbanding dengan 77.8% pada pascaujian Pencapaian ini merupakan peningkatan sebanyak 33.4% daripada pencapaian praujian. Soalan 2 pula mencatatkan peningkatan sebanyak 12.6%. Soalan tahap pertengahan ini memerlukan murid mencaribukti bagi menyokong sifat watak.

Sebagai rumusan, data pascaujian mencatatkan penambahan nilai dan sekaligus menunjukkan bahawa penggunaan KB dapat meningkatkan kemampuan murid Darjah 4 kebolehan pertengahan dalam menjawab soalan berbentuk bukti.

Analisis Data Perbincangan Kelompok Terarah

Perbincangan Kelompok Terarah telah dijalankan untuk menilai keberkesanan KB dalam membantu murid menjawab soalan kefahaman berbentuk bukti. Menerusi perbincangan tersebut, pengkaji mengenal pasti 3 aspek yang ingin dinilai. Tiga aspek tersebut ialah memahami objektif pembelajaran dan rasional langkah-langkah dan keberkesanan KB untuk menjawab soalan bukti. Aspek ketiga ialah untuk memahami rasional jawapan murid.

d. Data Tinjauan Pascapembelajaran


Satu tinjauan pascapembelajaran telah dijalankan untuk menilai tahap penerimaan murid terhadap KB. Semua respons murid jatuh dalam pernyataan setuju atau berkecuali. 83.3% (15 orang murid) akur *KB dapat membantu mereka mengenal pasti jawapan bukti* sementara 16.7% (3 orang murid) berkecuali.



Bagi pernyataan 'Saya dapat menjawab soalan bukti dengan jika saya gunakan langkah-langkah KB', 72.2% akur dengan pernyataan itu sementara 27.8% berkecuali. Respons murid menjawab soalan kajian yang ketiga tentang kemampuan murid menyelesaikan soalan bukti dengan berdikari sekiranya mereka menggunakan langkah-langkah KB.

Bagi pernyataan 'Saya yakin akan kemampuan saya menjawab soalan kefahaman yang berbentuk bukti dengan menggunakan langkah-langkah dalam KB', 55.6% (10 orang) murid akur dengan pernyataan itu sementara 44.4% (8 orang murid) berkecuali. Respons murid mengesahkan soalan kajian kedua tentang peningkatan keyakinan murid menjawab soalan berbentuk bukti dengan menggunakan langkah-langkah KB. Secara keseluruhan, dapatan tinjauan ini memperkuatkan dapatan-dapatan awal penggunaan KB yang telah dibincangkan.

Rajah 4: Tinjauan Pospembelajaran



KESIMPULAN

Kajian pengajaran ini telah menghasilkan dapatan positif. Namun, ada beberapa kekurangan yang telah dapat dikenal pasti oleh pengkaji. Pertama, pengkaji mendapati KB dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid-murid yang berada pada praaras kebolehan dan pada aras kebolehan. Ini terbukti apabila terdapat segelintir murid pada aras kebolehan mampu menjawab soalan tanpa panduan KB kerana mereka mempunyai pemahaman terhadap

sesuatu teks itu dengan lebih baik. Oleh itu, pada kitaran kedua, pengkaji akan mengenal pasti murid-murid yang sesuai untuk menyertai kajian ini.

Kedua, item yang dibina didapati tidak selari dengan langkah-langkah KB. Misalnya, dalam menjawab soalan individu yang kedua, murid perlu mengaitkan punca dan tindakan watak sebagai satu fakta. Namun, langkah-langkah dalam KB tidak membekalkan murid dengan kemahiran sedemikian.

Ketiga, langkah-langkah dalam KB tidak mengajar murid tentang mengenal pasti kaitan isi utama dan pengolahannya. Akibatnya, ada dalam kalangan murid yang melihat isi utama dan pengolahannya sebagai dua isi yang berasingan.

Keempat, soalan-soalan yang diutarakan mungkin tidak mengambil kira kesesuaiannya dengan murid yang berusia sembilan hingga sepuluh tahun. Contohnya, konsep '*murid*' dalam tafsiran murid termasuk '*anak*'. Namun, pengkaji melihat konsep '*murid*' dari kaca mata orang dewasa dan mengaitkan murid dengan alam persekolahan sahaja.

Bagi meningkatkan dan memurnikan item kajian dan langkah-langkah KB, pengkaji akan melihat semula KB dan memikirkan bagaimana KB ini boleh ditambah nilai untuk digunakan oleh murid bagi menjawab semua jenis soalan kefahaman. Hasil daripada pemurnian ini, KB akan digunakan sewaktu kajian dijalankan buat kitaran kedua.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Herman Hassan
2. Razana Abdul Rahman

RUJUKAN

Aghaie, R., & Zhang, J. (2012): Effects of explicit instruction in cognitive and metacognitive reading strategies on Iranian EFL students' reading performance and strategy transfer. *Instructional Science*, Vol. 40(6), 1063-1081

Anitha L. A., & Charles A. H. (2011). *Explicit instruction: Effective and efficient teaching*. New York: The Guilford Press

Dreyer, C, & Nel, C. (2003). Teaching reading learning environmental of Educational Psychology, 245-271.



- Heinle, Heinle, Carrell, P., Pharis, B., & Liberto, J. (1989). Metacognitive strategy training for ESL reading. *TESOL Quarterly*, 23, 647-678.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Zhang, L. J., G, P. Y., & Hu, G. (2008). A cognitive perspective on Singaporean bilingual children's use reading strategies in learning to read in English. *British Journde Guerrero, M. (2005). Inner speech: L2: TEFL*, 8, 318-335.

